

SIARAN MEDIA
Untuk Siaran Serta-merta
3 Februari 2025

SD Guthrie International Beli Ekuiti Syarikat Marvesa, Perkuuh Kedudukan di Eropah

Petaling Jaya, 3 Februari 2025 – SD Guthrie International Limited (SDGI), dahulunya dikenali sebagai Sime Darby Oils International Limited, telah membeli 48% pegangan ekuiti dalam Marvesa Supply Chain Services B.V. (Marvesa), sebuah syarikat yang berpangkalan di Belanda. Transaksi pemerolehan yang bernilai EUR54.2 juta (kira-kira RM250 juta) tersebut meningkatkan keupayaan SDGI dalam membekal produk minyak dan lelemak kepada industri strategik makanan haiwan dan biobahan api di Eropah. Pegangan ekuiti sebanyak 48% tersebut diperolehi daripada Parcom, sebuah firma ekuiti persendirian. Baki ekuiti 52% masih lagi dimiliki oleh BGR Beheer B.V. yang merupakan pihak pengurusan eksekutif sedia ada di Marvesa.

SDGI adalah anak syarikat milik penuh serta perniagaan hiliran SD Guthrie Berhad (SD Guthrie) yang dahulunya dikenali sebagai Sime Darby Plantation Berhad. SD Guthrie adalah salah satu pengeluar terbesar minyak sawit diperakui lestari (CSPO) di dunia yang menghasilkan lebih kurang 12% daripada jumlah keseluruhan CSPO global. SD Guthrie juga mempunyai operasi perniagaan di 12 buah negara dan merupakan sebuah syarikat global bersepadan yang beroperasi di sepanjang rantai nilai minyak sawit.

Marvesa merupakan jenama terkenal di pasaran Eropah dalam penyumberan, pengadunan, dan pengedaran produk minyak dan lelemak kepada industri pembuatan makanan haiwan dan industri biobahan api. Rangkaian pelanggannya yang pelbagai meliputi peniaga, pengedar dan pengeluar makanan haiwan multinasional, menjadikan syarikat tersebut rakan kerjasama utama SDGI di Eropah.

Pemerolehan pegangan ekuiti dalam Marvesa mengukuhkan lagi kedudukan SDGI di pasaran Eropah. Melalui kilang penapisannya di Zwijndrecht, Belanda, yang mempunyai kapasiti pembuatan sebanyak 450,000 tan metrik setahun, SDGI sudahpun membekalkan keperluan untuk para pelanggannya di 11 buah negara di benua tersebut. Kilang penapisan tersebut menghasilkan pelbagai produk minyak dan lelemak penting untuk pembuatan produk-produk seperti minyak masak, pengemulsi, bahan-bahan roti dan konfeksi, marjerin, produk tenusu, lilin, dan pengganti susu, bagi memenuhi keperluan pasaran yang semakin berkembang.

"Pemerolehan ekuiti ini membuka peluang untuk kami menempa kejayaan jangka panjang dalam pasaran-pasaran baru," kata Dr Shariman Alwani, Ketua Pegawai Eksekutif SDGI. "Amat penting untuk SDGI bekerjasama dengan rakan niaga yang kuat dan sehaluan untuk menangani permintaan dan sebarang perubahan kawal selia dalam pasaran Eropah. Kedudukan kami di Eropah kini lebih kukuh dan kami akan terus membina dan menguatkan lebih banyak lagi hubungan perniagaan."

Kerjasama antara SDGI dan Marvesa mewujudkan satu sinergi perniagaan yang mantap. Marvesa mempunyai volum dagangan sedia ada bagi produk-produk lesitin, minyak soya serta minyak sayuran lain yang selaras dengan strategi pemelbagaian SDGI dalam sektor produk bukan berdasarkan minyak sawit. Ini membolehkan kedua-dua syarikat menembusi pasaran berpotensi tinggi seperti di Asia Pasifik Utara & Tengah, Timur Tengah & Afrika, serta Benua Amerika. Marvesa juga sudah bertapak di Indonesia dan ini membolehkan syarikat tersebut untuk merebut peluang pasaran bahan-bahan makanan haiwan yang kian berkembang di rantau Asia Tenggara.

“Sebagai pemegang saham di Marvesa, kami komited kepada pertumbuhan dan kejayaan jangka panjangnya. Kerjasama dengan SDGI ini adalah bukti kekuatan perniagaan dan visi bersama kedua-dua syarikat untuk mencipta nilai yang mampu. Kedua-dua syarikat berada di kedudukan yang strategik untuk bersama-sama memacu pertumbuhan dan memberikan nilai yang terbaik kepada para pelanggan kami sama ada di Eropah maupun di pasaran lain.” kata Bart de Bruycker , Ketua Pegawai Eksekutif Marvesa.

Pembelian ekuiti ini adalah sejajar dengan strategi jangka panjang SDGI untuk menyepadan rantaian nilainya dan mengembangkan perniagaan ke pasaran-pasaran utama dunia.

Mengenai SD Guthrie Berhad (dahulunya dikenali sebagai Sime Darby Plantation Berhad)

SD Guthrie Berhad ialah syarikat global terkemuka dan bertanggungjawab dalam sektor pengeluaran Minyak Sawit Disahkan Mampan (CSPO). Dengan tenaga kerja melebihi 80,000 orang, kami memenuhi keperluan pengguna dan pelbagai jenama makanan di lebih 90 buah negara. Minyak sawit yang kami hasilkan adalah bebas daripada penebangan hutan dan boleh dikesan sumber asalnya.

Dengan sejarah penubuhan melangkaui 200 tahun, kami kini merupakan peneraju inovasi yang membangunkan generasi baharu robotik serta penyelesaian berasaskan teknologi bagi sektor minyak sawit dan perniagaan tani. Kami turut memenuhi permintaan bagi tenaga boleh diperbaharu melalui pembangunan projek solar dan taman perindustrian berprestasi tinggi, sambil memanfaatkan kepimpinan kami dalam kelestarian untuk membina lebih banyak kejayaan serta perniagaan yang siap siaga menghadapi masa depan.

Kelestarian adalah teras kepada segala yang kami lakukan. Sebagai syarikat minyak sawit pertama dunia dengan sasaran pengurangan gas rumah hijau bersih-sifar yang diluluskan oleh Science Based Targets initiative (SBTi), kami melangkaui dan meningkatkan penanda aras sedia ada melalui rangka kerja kelestarian Beyond Zero, demi memacu perubahan yang bermakna dalam sektor industri kami.

SD Guthrie mengendalikan 234 ladang sawit di Malaysia, Indonesia, Papua New Guinea, dan Kepulauan Solomon, yang disokong oleh 11 kilang penapisan dengan jumlah kapasiti tahunan sebanyak empat juta tan metrik. Kami menghasilkan 12% daripada jumlah keseluruhan CSPO di dunia. Kami juga menghasilkan dan menjual pelbagai derivatif minyak sawit seperti oleokimia, biodiesel, dan nutraceutical, serta giat membangun dan mengkomersialkan benih sawit berprestasi tinggi dan lebih berdaya tahan terhadap cabaran perubahan iklim.

Disenaraikan di Bursa Malaysia (KLSE: SDG) dengan modal pasaran sebanyak RM33.54 bilion (USD7.6 bilion) setakat 31 Januari 2025, SD Guthrie adalah salah satu syarikat strategik milik Permodalan Nasional Berhad, syarikat amanah saham terbesar di Malaysia dan pemegang saham utama kami. Kami turut disokong oleh beberapa institusi pelaburan besar yang lain seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

Untuk maklumat lanjut, lawati www.sdguthrie.com

Atau, hubungi:

- **Hafiz Noor, Ketua, Komunikasi Strategik**
Tel: 019-424 8283 | E-mail: hafiznoor@sdguthrie.com
- **Azneal Azam, Ketua, Konten dan Saluran**
Tel: 016-337 6160 | E-mail: azneal.azam@sdguthrie.com

Mengenai Marvesa Supply Chain Services B.V.

Marvesa adalah pengeluar khusus produk-produk sampingan minyak dan lelemak, terutamanya bagi industri makanan haiwan, yang juga semakin berkembang dalam sektor berkaitan seperti biobahan api. Membekalkan lebih 400,000 MT produk setiap tahun, Marvesa memberikan yang terbaik dalam penyumberan, penghasilan dan pengedaran produk-produk sampingan dengan mengekalkan kualiti tinggi dan ketelusan perniagaan.

Kepakaran syarikat dalam arbitraj, logistik, dan penyelesaian khusus — disokong Penyelidikan & Pembangunan — telah mendorong pertumbuhan hasil dan keuntungan yang konsisten. Marvesa juga menyediakan penghantaran terus ke ladang bagi memudahkan penghantaran produk sampingan melalui kapal laut. Hab utama Marvesa terletak di The Botlek, Belanda, dengan kapasiti penyimpanan tangki melebihi 100,000 cbm di seluruh dunia termasuk Sepanyol, Argentina, dan Indonesia.

Marvesa komited dalam memastikan keselamatan makanan haiwan, kelestarian, dan kesihatan haiwan, melalui kerjasamanya dengan para pelanggan dalam mencari penyelesaian terbaik serta menawarkan produk seperti **Lecifeed®** dan **PhytoLipoGenics®**.

Untuk maklumat lanjut, layari: <https://marvesa.com/en>

Atau, hubungi:

- **Bart de Bruycker, Ketua Pegawai Eksekutif**
Tel: +31 613 195 223 | E-mel: bart.debruycker@marvesa.com